

08/07/1998

Bekalan air perlu ada syarat

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia pada dasarnya setuju membekalkan air ke Singapura tetapi dengan syarat tertentu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia memberi jaminan kepada republik itu untuk memberikan air, perlu ada syarat bagi pembekalannya.

"Kita belum dapat mencapai persetujuan mengenai butirannya sahaja.

"Pada dasarnya kita telah mencapai persetujuan.

"Sebagaimana yang kita tahu, negeri-negeri di Malaysia pun menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan masalah membekalkan air dari satu negeri ke negeri lain," katanya tanpa menyebut syarat itu.

Dr Mahathir mengulas pertemuannya dengan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong di sini pada Februari lalu, yang antara lain dilapor membincangkan soal bekalan air ke republik itu.

Menteri Luar Singapura, S Jayakumar memberitahu Parlimen minggu lalu, beberapa isu hubungan dua hala Singapura-Malaysia masih belum selesai termasuk isu bekalan air yang Singapura dilaporkan meminta syarat mempunyai kuatkuasa undang-undang apabila perjanjian sekarang tamat tempohnya pada 2011 dan 2061.

Mengikut perjanjian sekarang, Singapura memperolehi kira-kira separuh daripada keperluan airnya dari Johor.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan perayaan 100 tahun Pendaftar Syarikat di sini hari ini, Perdana Menteri, berkata perkara yang dipersetujui itu adalah perkara yang dipersetujui, tetapi perjanjian adalah soal lain.

"Perkara yang dipersetujui itu belum disahkan sama ada pada peringkat Kabinet atau Parlimen.

"Ia membabitkan hubungan antara dua negara dan kita tidak boleh mengubah perjanjian tanpa merujuk kepada Parlimen," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada isu bekalan air itu ada kaitannya dengan isu Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) yang membabitkan kira-kira 200,000 rakyat Malaysia yang bekerja di republik itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak faham mengapa Singapura perlu mengaitkan kedua-dua isu itu.

"Saya tidak nampak macam mana ada kaitan dengan isu air ... CPF, CPF1a," katanya mengulas kenyataan Menteri Sumber Manusia Singapura, Dr Lee Boon Yang yang memberitahu Parlimen isu CPF dan bekalan air jangka panjang republik itu boleh diselesaikan dalam konteks 'kerjasama lebih luas' antara kedua-dua negara.

Kini hanya pekerja dari Sabah dan Sarawak yang berhenti kerja di republik itu dibenar mengeluarkan caruman mereka, manakala rakyat dari Semenanjung hanya boleh berbuat demikian apabila usia mereka mencapai 55 tahun.

Selain isu itu, pihak berkuasa Singapura turut mengarah pemindahan pusat pemeriksaan kastam dan imigresen Malaysia di stesen kereta api Tanjung Pagar baru-baru ini.

Mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata: "Itu adalah pilihan Singapura, kita mempunyai pandangan berbeza."

Sementara itu, diminta mengulas kekalahan calon Barisan Nasional, Ismail Kassim, dalam pilih raya kecil Parlimen Arau, Perdana Menteri berkata setakat ini beliau hanya menerima khabar angin mengenai kekalahan berkenaan.

"Saya baru mendengar khabar angin dan berita tidak rasmi, kerana itu

saya tidak boleh buat komen.

"Tetapi kita akan mengadakan satu post mortem mengenai apa sebabnya kita kalah di Arau," katanya sambil menambah, jika mengikut majoriti, kekalahan di Arau boleh dianggap kekalahan besar.

(END)